



## IKLAN JAWATAN KETUA PUSTAKAWAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

### A) MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	:	Ketua Pustakawan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	:	Gred 54
Gaji (Min–Maks)	:	RM6,070.00 - RM13,138.00
Taraf Jawatan	:	Tetap / Pertukaran Pelantikan Sementara / Peminjaman / Kontrak (tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU))
Tempoh Lantikan	:	Tidak melebihi tiga (3) tahun untuk setiap lantikan (tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU))

### B) KELAYAKAN AKADEMIK

- i) Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Sains Pengajian Maklumat (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- ii) Lulus SPM dengan Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) Bahasa Melayu (termasuk ujian lisan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### C) KRITERIA UMUM

Telah memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan di mana-mana Universiti Awam atau Swasta, badan-badan kerajaan, syarikat-syarikat multinasional atau mana-mana syarikat yang terkemuka dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

- i) Calon-calon yang berumur 45 hingga 55 tahun adalah diberi keutamaan.

- ii) Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD) adalah satu kelebihan. Mendapat "command of respect" dari kalangan rakan sejawat. Mempunyai rekod cemerlang dalam pengurusan serta cemerlang dalam khidmat profesional.
- iii) Bagi calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, sekurang-kurangnya berada di gred 52.
- iv) Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut:

#### **1. Kebolehan Memimpin & Mengurus**

Mempunyai *people skill* yang boleh menerajui transformasi. Mempunyai gagasan, visi dan misi selaras *core business* Universiti serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kerja cemerlang.

#### **2. Reputasi**

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf. Mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati berdasarkan kredibilitinya oleh semua masyarakat kampus, organisasi di mana dia berkhidmat dan masyarakat luar.

#### **3. Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal Yang Mantap**

Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap dalam mentadbir pelbagai lapisan masyarakat kampus yang *multicultural*.

#### **4. Personaliti**

Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai semangat dalaman yang kuat untuk memacu kecemerlangan Universiti.

### **D) KRITERIA KHUSUS**

#### **i) Kecemerlangan Pengurusan dan Ilmu Pengetahuan**

##### **1. Berorientasikan Pencapaian**

Berperanan dalam mewujudkan masyarakat literasi informasi iaitu masyarakat kampus amnya dan masyarakat setempat khasnya. Mampu memahami cara untuk menemukan informasi, mampu menyelesaikan masalah dengan informasi yang ada, mampu mengkomunikasikan informasi dengan baik serta bermotivasi untuk mempelajari hal-hal baru serta mampu menerobos sempadan dalam mendukung sumber-sumber ilmu dan fasiliti dalam pusat pengurusan ilmu.

## **2. Berkemahiran dalam memahami teknologi terkini**

Berupaya menyumbang kepada pencarian, penyimpanan, penerokaan dan perkongsian pengetahuan ilmu-ilmu baharu dalam usaha mewujudkan persekitaran sosial yang merangsang dan menggalakkan penciptaan pengetahuan dan *knowledge transfer*.

## **3. Pengurusan Kakitangan**

Berkebolehan menambah baik strategi sumber manusia untuk membangunkan kapasiti tenaga kerja dalam memenuhi keperluan semasa dan akan datang dan menyediakan hala tuju yang jelas untuk mencapai jangkaan.

## **4. Pengurusan**

Mengurus sumber kewangan dengan telus dan mencapai nilai untuk wang dan hasil yang optimum (*values for money*).

## **5. Pengurusan Perubahan & Risiko**

Berusaha menguruskan perubahan dalam organisasi secara berkesan dengan menggunakan segala sumber dan keupayaan sedia ada. Berusaha mengurangkan risiko dalam setiap hasil kerja yang dilaksanakan melalui aktiviti pengurusan risiko.

## **6. Pengurusan Ilmu**

Sentiasa menyusun strategi berhubung pengurusan ilmu, sentiasa berusaha untuk mengubah peradaban melalui pengembangan ilmu dan sentiasa menjana idea-idea baru yang sesuai dan relevan dengan wawasan pengurusan ilmu di Universiti.

### **ii) Memenuhi Kompetensi Kepimpinan UPSI**

#### **1. Pemikiran Strategik**

Berkebolehan mengenalpasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah serta boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan.

Berkebolehan melihat situasi dari pelbagai dimensi serta berkeupayaan mengambil tindakan dan membuat keputusan mengikut keutamaan, berpandangan jauh dan melihat isu dari perspektif yang luas dan menyeluruh.

Berkemahiran dalam merancang dan membangunkan Pelan Strategik Organisasi serta mentafsirkannya sehingga ke peringkat pelaksanaan.

**2. Kepimpinan berteraskan nilai & etika**

Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan.

Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk bersikap berintegriti, anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi.

Membina dan mengalakkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta bebas daripada gangguan diskriminasi.

**3. Berkepakaran dalam membudayakan idea kreativiti dan inovasi dalam pentadbiran**

Berkebolehan mencetus idea-idea baru dan meningkatkan usaha untuk mentransformasikan organisasi ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan berdasarkan peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

**4. Mempunyai jaringan hubungan yang luas**

Mengoptimumkan sumber-sumber organisasi untuk memenuhi keperluan pelanggan. Berkebolehan menjalin hubungan kerjasama dan menerapkan nilai-nilai kebersamaan dengan anggota kerja dalam organisasi.

Berkebolehan mengenal pasti dan mengambil peluang untuk membina perkongsian strategik dari segi maklumat, idea, pengetahuan dan kepakaran dengan pelbagai pihak untuk faedah dan kepentingan organisasi.

**E) PERMOHONAN**

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi berserta dokumen seperti berikut:

- i) surat permohonan, *Curriculum Vitae* dan salinan sijil-sijil serta

- ii) Kertas cadangan ringkasan mengenai wawasan dan perancangan hala tuju Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB) dalam tempoh tiga (3) tahun sekiranya dilantik sebagai Ketua Pustakawan UPSI.

**Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:**

**Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Governan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  
35900 Tanjung Malim  
PERAK DARUL RIDZUAN**

**Tel : 05-4506351/6811/6957/6864**

**Emel : [govenan@upsi.edu.my](mailto:govenan@upsi.edu.my)**

**Tarikh Tutup Permohonan : 30 September 2020 (Rabu)**

**Catatan Tambahan :**

- i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemu bual.
- ii) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan/temu bual jawatan ini tidak akan ditanggung oleh UPSI.